




MULA



PENGAMALAN TAREQAT NAQSYABANDIAH

**TINJAUAN DI SURAU SULUK HAJI MAARUF, LENGGENG,
NEGERI SEMBILAN.**

OLEH

ROHANI HAJI AMBAK

0803011

**FAKULTI USULUDDIN
AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA**

KUALA LUMPUR

1989/90

UNIVERSITI MALAYA
AKADEMI ISLAM
FAKULTI USULUDDIN


PENGAMALAN TAREQAT NAQSYABANDIAH
TINJAUAN DI SURAU SULUK HAJI MAARUF, LENGGENG,
NEGERI SEMBILAN

OLEH
ROHANI HAJI AMBAK

LATIHAN ILMIAH INI DI TERIMA OLEH FAKULTI USULUDDIN BAGI
MEMENUHI KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA USULUDDIN
SESSI 1989/90


PENYELIA

7-2-1990
TARIKH


DEKAN

7.2-1990
TARIKH

الهي انت مقصودي
ورماك مطلوبي

"YA ALLAH ENKAULAH YANG AKU MAKSUDKAN DAN
DAN KEREDHAANMU JUA YANG AKU TUNTUT "

PENGHARGAAN

Alhamdulillah wa bihi nastalin,
Dengan keizinan dan kasih sayangMu ya Allah,
HambaMu ini masih dapat menikmati kebahagiaan iman dan
Islam.
Tetapkanlah hati ini di jalanMu dan jadikanlah diri ini
sentiasa bersyukur dan menghargai Rahmat dan GhafurMu.

JAZAKUMULLAHU KHAIRAN KATHIRA

Untuk ayah dan bonda yang tercinta (semoga Allah memelihara kalian berdua sebagaimana kalian memelihara diri ini sewaktu kecil). Terimakasih kepada semua ahli keluarga, kakak, abang, adik dan Along. Kesemua mereka telah banyak memberikan dorongan, sumbangan, ilham dan sumber inspirasi yang padu.

Penghargaan jua kepada semua pihak yang terlibat di dalam melaksanakan projek ini:

1. Penyelias kertas projek, ustaz Aziz Awang Kecil.
2. Penyelaras kertas projek, Ustaz Abdul Halim Bin Mat Diah
3. Tuan Guru Haji Maaruf.
4. Ahli-ahli tareqat Naqsyabandiah Haji Maaruf.
5. Pihak perpustakaan.
6. Pegawai di jabatan Hal Ehwal Islam, Pusat Islam Kuala Lumpur.
7. Pegawai pejabat Daerah Negeri Sembilan.
8. Penghulu Pekan Lenggeng.
9. Masyarakat Kampung Baru, Pekan Lenggeng, Negeri Sembilan.

Penulis,
Fakulti Usuluddin,
Akademi Islam Universiti Malaya.

KATA PENGANTAR

Allah mengangkat derajat akan orang-orang yang berilmu pengetahuan. Dengan ilmu juga segala amal bermakna dan mendapat keberkatan. Amalan yang ikhlas pasti tidak disia-siskan. Makrifatullah yang diidamkan pasti dapat dimiliki. Penganugerahan ilmu dari Ilahi membuat manusia itu tidak mudah membuang atau menelan mentah-mentah suatu perkara. Melalui pertimbangan akal, nafsu dan wahyu kita wajib mengarahkan rohani dan jasmani untuk mencari tareqat terbaik demi agama, dunia dan akhirat. Tareqat yang dilalui itu pasti menempuh banyak cubaan dan dugaan. Namun kita harus ingat bahawa Allah tidak mempersoalkan akan kejayaan kita tetapi Allah akan bertanya sejauh mana kita berusaha di dalam satu-satu urusan. Ingatlah semula akan hadaf kita bahawa pertama-tama sekali ialah mengenal Allah untuk berubudiah kepadaNya. Bagi menuju ke destinasi ini, hati sanubari harus digilapkan dengan zikrillah dan mengisikannya dengan sifat-sifat yang mahmudah. Kita tidak dapat menipu hati kecil ini bagaimana ia meronta untuk mencari jalan kebenaran Allah. Tatapilah projek ini agar ianya sebagai titik tolak kepada mengamalkan tareqat yang benar.

Wassalam.

penyusun

ABSTRAK

ROHANI BINTI HAJI AMBAK. Pengamalan Tareqat Naqsyabandiah, Tinjauan di Surau Suluk Haji Maaruf, Lenggeng, Negeri Sembilan.

Kertas Projek, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1989/90.

Apabila kita membincangkan soal-soal yang berkaitan dengan tasauf, tidak dapat tidak kita juga akan memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan permasalahan tareqat. Paling tidak satu soalan akan timbul iaitu bagaimana tareqat yang diikuti oleh seseorang Islam itu dapat mentasaufkan dirinya. Mudah-mudahan begini, bagaimana pengamalan tareqat tersebut dilaksanakan untuk tujuan mensucikan diri zahir dan batin dalam pengabdian diri kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala.

Tinjauan terhadap satu aliran tareqat iaitu tareqat Naqsyabandiah di surau suluk Tuan Guru Haji Maaruf, Lenggeng, Negeri Sembilan, difikirkan dapat memberikan gambaran umum bagaimana pengamalan tareqat tersebut beroperasi.

Tuan guru Haji Maaruf dilahirkan pada tahun 1901, di kampung Sungai Bunga, Lenggeng, Negeri Sembilan. Pada 1920, beliau mula menjinakkan diri dengan tareqat Naqsyabandiah sehinggalah beliau diijazahkan sebagai guru yang bertauliah dari Tuan Kelana, daerah Seremban. Selepas itulah ramai yang datang kepadanya untuk mempelajari ilmu-ilmu tareqat dengan beliau. Seterusnya mengamalkan segala ajaran dan amalan tersebut.

Hasil dari kerjasama anak-anak murid beliau, Haji Maaruf telah berjaya mendirikan sebuah surau khas untuk bersuluk. Pada 1965, setiap ajaran dan amalan tareqat Naqsyabandiah dilaksanakan sepenuh dan jayanya.

Daripada segala maklumat yang terkumpul, tareqat Naqsyabandiah di bawah pimpinan Haji Maaruf, adalah menitikberatkan soal-soal latihan batiniah, keruhanian atau spiritual. Perkara ini lebih diutamakan memandangkan segala tindakan luaran seseorang insan adalah diarahkan dari dalam diri seseorang. Kesucian dalaman ini akan dijelmakan ke dalam bentuk zahiriah dan akan berjalan selari dengan batas-batas syariat dan perundangan Islam yang digariskan oleh Allah Subhanahu Wa Taala.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Kata Pengantar	ii
Abstrak	iii
Isi Kandungan	iv
BAB I PENDAHULUAN	
Later belakang masalah	1
Definisi Pengamalan	2
Definisi Tareqat	3
Pengenaln Tareqat Naqsyabandiah	7
Rumusan masalah	10
Tujuan Penulisan	11
Sistematika Penulisan	15
BAB II LANDASAN TEORI	
Faktor Kelahiran Tareqat	18
Tareqat di Abad Permulaan Islam	20
Tareqat di Abad ke 6 dan ke 7	22
Tujuan bertareqat	24
Faedah-faedah Bertareqat	26
Sejarah Tareqat Naqsyabandiah	28
Silsilah Tareqat Naqsyabandiah	31
Ajaran-ajaran Tareqat Naqsyabandiah	33
-Dasar-dasar	
-Rukun-rukun	
- Hukum pegangan	

Pengikut-pengikut Tareqat Naqsyabandiah 36

Perkembangan Tareqat Naqsyabandiah di Malaysia 36

BAB III METODOLOGI

Metod Pengumpulan Data 39

-metod persejarahan

-metod dokumentasi

-metod interview

-metod pemerhatian

Metod Penganalisaan Data 44

-cara induktif

-cara deduktif

-cara perbandingan

BAB IV LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

Pengenalan diri Haji Maaruf bin Yaacob 47

Penglibatan Diri ke Dalam Tareqat 48

Pengijazahan Sebagai Khalifah 49

Sejarah Surau Suluk 50

Silsilah Haji Maaruf 53

Dasar-dasar di dirikan Tareqat 55

Tareqat Haji Maaruf 56

Pertezaan di antara warid dan wirid 60

Syariat dan Tareqat Saling Melengkapi 61

Pengiktirafan sebagai guru 62

Ajaran-ajaran dan amalan-amalan 63

Penbaianan ahli-ahli Tareqat 64

Kewajipan di dalam tareqat Naqsyabandiah 66

Syarat-syarat menyertai tareqat Haji Maaruf 66

Dasar-dasar tareqat	67
Adab-adab tareqat	67
Suluk	68
Adab-adab di dalam suluk	70
Adab-adab di luar suluk	72
Adab-adab murid dengan guru	73
Zikir	74
Kaifiat zikir	75
Zikir-zikir yang diajarkan	77
Penjelasan-penjelasan latifah	79
Tawajjuh	83
Zat Allah yang Bersifat	84
Ruh	85
Konsep Rabitah	86
Analisa data	87
Kaifiat Zikir	88
Konsep Baiah	93
Penolakan Tareqat	96
Guru atau Syekh	99
BAB V PENUTUP	
Kesimpulan	100
Saranan	
Lampiran	